

28 DEC 1998
Mahkamah-Anwar (pita)
MAHKAMAH TOLAK PERMOHONAN ANWAR BERKAITAN PITA

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Mahkamah Tinggi hari ini menamatkan prosiding permohonan pihak pembela untuk menunjukkan percanggahan kenyataan saksi pendakwa Ummi Hafilda Ali, dalam perbicaraan Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hakim Datuk S. Augustine Paul juga menolak permohonan peguam pembela untuk mendapatkan lebih masa untuk meneliti pita yang didakwa mengandungi perbualan antara Ummi Hafilda dan ahli perniagaan Datuk Sng Chee Hua.

"Permohonan untuk penangguhan tidak dibenarkan, pihak pembela perlu meneruskan permohonan di bawah Seksyen 145 (2) Akta Keterangan, yang mana jika gagal permohonan akan ditamatkan. Anda boleh menimbulkan perkara itu kemudian, jika anda mempunyai bukti. Permohonan pada masa ini adalah salah," katanya.

Anwar, 51, menghadapi empat tuduhan rasuah kerana menyalahgunakan kedudukan untuk mencampuri penyiasatan polis berkaitan dakwaan salah laku seks terhadap beliau.

Anwar yang juga bekas Menteri Kewangan didakwa di bawah Seksyen 2(1) Ordinan No.22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1970" yang membawa maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Ummi Hafilda, yang meulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Muhamad berkaitan salah laku seks Anwar, tidak dipanggil untuk memberikan keterangan hari ini, hari ke-34 perbicaraan, dia adalah saksi yang ke-17.

Peguam bela Gurbachan Singh berkata pihak pembela tidak beniat untuk meneruskan perkara itu pada masa ini, selepas Paul memberitahunya pihak pembela boleh meneruskan perkara itu kemudian semasa kes pendakwaan.

"Ya anda boleh memohon untuk memanggil semula saksi," kata Paul.

Timbalan Pendakwaraya Kanan Azahar Mohamed kemudian memberitahu mahkamah pendakwa tidak berniat untuk meneruskan soalan terhadap Ummi Hafilda. Berkaitan permohonannya untuk mengenakan embargo perbualan dalam rakaman pita itu.

Bagaimanapun, selepas perbicaraan ditangguhkan petang ini, peguam bela Anwar, Raja Aziz Addruse memberitahu mahkamah pihak pembela telah bersedia untuk memanggil semula Ummi Hafilda pada hari Rabu ini.

Terdahulu, Gurbachan memberitahu mahkamah terdapat lebih dari satu pita berkaitan dakwaan perbualan antara Ummi Hafilda dan Sng, anggota Parlimen Julau di Sarawak dan naib presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

Menyatakan transkrip pita rakaman itu sedang dibuat dan disiapkan, beliau meminta mahkamah untuk menangguhkan pemeriksaan balas dan prosiding berkaitan Ummi Hafilda.

Paul: Tetapi adakah ini bermakna sekarang anda menyatakan ada pita lain? Adakah ini bermakna dakwaan perbualan yang anda tanyakan kepada Ummi Hafilda mungkin bukan perbualan yang sebenar?

Gurbachan: Kami tidak menyatakan begitu.

Peguam bela itu berkata mereka hanya boleh mengesahkan perkara itu selepas meneliti kandungan kesemua pita rakaman, dan dia mengakui terdapat beberapa kesilapan dalam transkrip pita pertama.

Paul: Ini bermakna permohonan anda kepada mahkamah salah.

Gurbachan: Hanya dari segi kesilapan. Kami bersedia untuk membetulkan transkrip itu setelah mendengar rakaman yang asli.

Paul: Ini bermakna menyoal balas saksi dan sekarang cuba mendapatkan

percanggahan keterangan.

Gurbachan: Kami bukan untuk "fishing expedition". Kami hanya mahu meneliti keseluruhan transkrip pita rakaman itu.

Paul: Tidak, itu akan menjadi kenyataan baru, jika ada sebarang percanggahan. Itu akan memerlukan pemeriksaan balas yang baru. Oleh itu permohonan anda tidak mempunyai asas. Apa maksud anda tentang kesilapan?

Gurbachan menjelaskan kesilapan itu timbul dari transkrip yang tidak dibuat oleh mereka.

Apabila Hakim berkata pihak pembela cuba untuk memeriksa balas Ummi Hafilda berkaitan keterangan yang mereka tidak ada, Gurbachan berkata mereka mempunyai bukti dan mahu mengemukakan kesemua pita itu kepada mahkamah.

Hakim juga mengingatkan pihak pembela mereka boleh menemu bual Sng sebelum memulakan permohonan, anda tidak pasti haluan anda, katanya.

"Kepada saya, mengikut undang-undang, kesemua ini adalah salah. Selepas meneliti pita lain, anda mungkin mahu "menambah atau menolak" kepada soalan yang sedia ada. Bagaimanapun peguam bela menjelaskan mereka tidak akan membuat "tolakan".

Timbalan Pendakwaraya kanan Datuk Abdul Gani Patail berkata kesilapan dalam satu ayat dalam transkrip itu adalah sangat serius.

"Sesungguhnya soalan yang dikemukakan kepada Ummi Hafilda oleh peguam bela mencadangkan Ummi Hafilda berbuat sesuatu yang dia tidak lakukan," katanya.

Beliau setuju Gurbachan sedar transkrip diambil dari siri perbualan pada masa yang berlainan dan mungkin juga tempat yang berlainan.

Gurbachan, bagaimanapun menjelaskan dia tidak sedar dan mengakui dia tidak mendengar kesemua empat pita rakaman.

Gani, yang membantah kepada pencabaran keboleh percayaan keterangan dan memohon penggunaan Seksyen 145 (2) pada ketika ini, mengakui permohonan adalah berasaskan interpretasi salah pita rakaman itu.

Beliau berkata terdapat bahagian yang tidak jelas dalam pita dan soalan yang ditanyakan kepada saksi adalah tidak adil. Beliau setuju pita yang diberikan oleh pihak pembela adalah yang telah disunting.

"Terdapat aduan polis berkaitan perkara ini, dan ia dilaporkan sendiri oleh Ummi Hafilda dan bukan orang lain. Saya tidak akan pergi lebih jauh dari ini, tetapi membiarkan pihak berkuasa menyiasat.

"Dengan asas ini, Saya memohon pencabaran prosiding harus ditolah. Peguam tidak akan prasangka kerana mereka masih boleh membuat pencabaran pada peringkat pembelaan," kata Gani.

Gurbachan, semasa menjawab berkata tiada soalan salah interpretasi pita rakaman dan transkrip adalah betul, kecuali satu atau dua kesilapan.

-- BERNAMA

NHD SBB AHH RI